

Disforia Gender di Malaysia: Hubungan Pengaruh Agama, Naluri dan Budaya

Gender Dysphoria in Malaysia: The Relationship of Religious, Instinctive and Cultural Influences

Nur Azwani binti Mansor @ Noordin¹ & Mohd Azhar bin Abdullah²

¹ (Corresponding Author) Department of Islamic Studies, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, 15730, Malaysia, e-mail: azwanimansor@kias.edu.my

² Department of Islamic Studies, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, 15730, Malaysia, e-mail: dr.har68@gmail.com

ABSTRAK

Disforia gender atau kecelaruan gender adalah suatu gejala berkaitan kekaburan tentang ciri-ciri jantina. Gejala ini bukan sahaja di Barat, tetapi telah menular di Malaysia. Bagi rakyat Malaysia yang berpegang kepada prinsip kesopanan dan kesusilaan, gejala ini tidak seharusnya berlaku. Kewujudan golongan ini tidak diraikan, dipandang songsang, terpencil dan dibiarkan tanpa sokongan dalam mengharungi cabaran. Sebahagian mereka kesal di hujung usia, tetapi tidak kembali ke pangkal jalan. Oleh itu, kajian kuantitatif ini bertujuan menyingkapi sejauh mana faktor naluri dan budaya dan agama mempengaruhi kecelaruan gender dalam masyarakat Melayu Islam. Seramai 120 orang responden telah menjawab borang soal selidik yang diedarkan kepada 84 orang pondan dan 36 orang pengkid. Jenis persampelan adalah persampelan bertujuan dan menggunakan perisian SPSS (Statistical Package for Social Sciences) versi 17.0 untuk menganalisis data statistik deskriptif dan juga statistik inferensi. Statistik deskriptif digunakan untuk mencari kekerapan, min dan peratusan manakala statistik inferensi menggunakan Ujian Kolerasi Spearman untuk mencari hubungan antara faktor agama, naluri dan budaya dengan kecelaruan gender. Hasil kajian mendapati bahawa faktor agama, naluri dan juga budaya mempunyai hubungan kuat dengan masalah kecelaruan gender. Bahkan ketiga-tiga faktor tersebut memainkan peranan penting dalam perkembangan dan pembentukan gender. Kepentingan kajian ini secara jelas menzahirkan bagaimana faktor-faktor tersebut dapat memberi sumbangan untuk menyelesaikan isu ini secara dekat dan praktikal. Masyarakat dan negara harus memikul tanggungjawab mendekati, mengenali dan memulih kelompok ini dalam usaha mengekalkan kesucian agama dan keluhuran prinsip rukun negara.

Kata kunci: Kecelaruan gender; Naluri; Budaya; Pondan; Pengkid

ABSTRACT

Gender dysfunction or gender confusion is a reel in relation to ambiguity about gender characteristics. These symptoms are not only in the West but are spreading in Malaysia. For Malaysians who adhere to the principles of decency and morality, this is inappropriate. The existence of this group is unhonored, viewed as inverted, isolated and left without support in facing challenges. Some of them are upset at the end of their life, but do not turn over a new leaf. Therefore, this quantitative study aims to summarize the extent to which instinctive and cultural and religious factors influence gender inequality in the Malay community. A total of 120 respondents answered the questionnaire distributed to 84 people and 36 people. The sampling type is intended sampling and uses SPSS (Statistical Package for Social Sciences) software version 17.0 to analyze descriptive statistical data as well as inference statistics. Descriptive statistics are used to find the frequency, mean and percentage while inference statistics use the Spearman Correlation Test to find links between religious, instinctive and cultural factors with gender disparity. The results show that religious, instinctive and cultural factors have a strong connection to the problem of gender disorder. These three factors also play an important role in the development and formation of gender. The importance of this study clearly demonstrates how these factors can contribute to solving this issue closely and practically. Society and nation should bear the responsibility of approaching, recognizing and preserving this group in an effort to maintain religious purity and the supremacy of the country's principles.

Keywords: Gender dysphoria; Instinct; Culture; Transvestite; Penkid

1. Pendahuluan

Golongan *disforia* gender merupakan satu kelompok komuniti yang sangat kecil dan terasing dalam masyarakat bermoral di dunia. Golongan ini telah dimusnahkan sama sekali pada zaman Nabi Lut AS. Namun, golongan ini muncul kembali bersama kemodenan dan globalisasi yang mengubah pola berfikir dan cita rasa manusia berdasarkan kebebasan mutlak. Perjuangan mereka bermula tahun 1975 dan mula mendapat sambutan awal tahun 1990-an melalui gerakan feminis dan tokoh gay dan lesbian. Pada tahun 2000 kegiatan mereka lebih meluas dan tersusun dengan tertubuhnya “*Transgender Nation*”. (Siti Amirah Akilah, Hanisah & Farahwahida, 2020).

Mutakhir, dunia Barat mengiktiraf transgender sehingga kehidupan mereka dapat diakses melalui media sosial secara meluas dan tanpa bantahan masyarakat dunia. Malaysia tidak boleh menafikan ancaman ini dan perlu benar-benar serius menanganinya. Mereka mula berani menampilkan identiti mereka melalui gerakan-gerakan tersusun seperti persatuan, parti dan media serta berani mencabar keabsahan mana-mana peruntukan undang-undang yang dianggap menyekat kebebasan mereka (Siti Amirah Akilah, *et. al*, 2020).

Pada 8 Oktober 2015 panel lima hakim Mahkamah Persekutuan yang diketuai Presiden Mahkamah Rayuan Tan Sri Md Raus Sharif dalam keputusan sebulat suara memutuskan bahawa seksyen 66, Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992 yang berkaitan kesalahan lelaki berpakaian wanita adalah sah dan menepati hak-hak dalam Perlembagaan Persekutuan (Astro Awani, 2015). Sebelum itu, umat Islam dalam kegelisahan yang bersangatan berikutan keputusan Mahkamah Rayuan yang memutuskan bahawa seksyen 66 tersebut bercanggah dengan prinsip perlembagaan (Rositah Kambol, 2020). Tiga juru solek beragama Islam yang berpakaian wanita di tempat awam mendakwa mereka mengidap penyakit *gender identity disorder* (GID) telah disabitkan bersalah atas kesalahan lelaki berpakaian wanita oleh Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sembilan. Bayangkan, semangat juang dan kekentalan kelompok ini memperjuangkan haknya sehingga sanggup mengharungi empat peringkat mahkamah di Malaysia. Jika tiada kepercayaan diri, sokongan, bantuan dalaman dan luaran, tiga pondan tersebut tidak akan mencabar sistem perundangan syariah dan sivil di Malaysia yang telah berjalan sejak merdeka.

Malaysia harus peka kerana golongan ini semakin aktif menubuhkan persatuan-persatuan untuk menuntut hak-hak mereka di bawah undang-undang bagi mewajarkan perjuangan hak yang sama bagi untuk bebas, berkahwin dan berkeluarga. Perjuangan ini telah berjaya di Barat dan beberapa negara jiran dan natijahnya diperakui oleh undang-undang. Maka ianya tidak mustahil akan berlaku pada negara kita sekiranya fenomena ini tidak dibendung dari awal (Mohd Yusman, Muhd. Izhar & Zamri, 2004).

Komuniti ini dapat dibahagikan kepada dua kelompok iaitu lelaki yang trans (*cross*) kepada wanita dan wanita yang trans (*cross*) kepada lelaki. Yang pertama biasanya dikenali sebagai pondan, bapuk, darai, nyah, *girlie*, *doll* dan *sissy* yang mana sifat kekelakiannya telah beralih kepada sifat kewanitaannya. Manakala kategori yang kedua dikenali sebagai *tomboy*, *butch*, *pengkid* dan *transman* mana sifat kewanitaannya telah beralih kepada sifat kekelakian (Lukman Z. & Zuriana, 2002).

2. Kajian Literatur

2.1 Takrifan dan Konsep

Dari sudut takrifan dan konsep, istilah gender adalah berbeza dengan jantina. Gender merujuk kepada perbezaan antara perempuan dan lelaki dari sudut sosial. Ia merujuk kepada apa yang masyarakat telah disampaikan kepada setiap individu daripada kumpulan sosial yang berlainan mengenai peranan dan tanggungjawab lelaki dan perempuan. Manakala jantina merujuk kepada perbezaan biologi antara lelaki dan perempuan, sesuatu yang tetap dan tidak berubah merentasi masa, negara dan budaya (Manual Mengenai Bajet Gender di Malaysia, 2006). Oleh itu, pembentukan gender adalah melalui proses

pembelajaran dan pembudayaan yang mana pembentukan untuk menjadi lelaki dan perempuan itu telah diserapkan secara langsung atau tidak dengan berpandukan garis panduan tentang perilaku supaya identiti gender dapat mengikut norma dan budaya dalam masyarakat. Manakala jantina adalah kategori sebagai lelaki atau perempuan berdasarkan identiti seksual yang telah ditetapkan semasa dalam kandungan ibu lagi (Ruzy Suliza, 2006). Jantina dan gender ini akan mempengaruhi naluri seseorang dalam perwatakan, percakapan, tingkah laku, emosi dan pemikiran.

Disforia gender juga dikenali sebagai kecelaruan jantina yang boleh didefinisikan secara umum sebagai kekeliruan seseorang individu itu terhadap perasaan jantina sendiri dengan anggota kelaminnya. Ia boleh di huraikan sebagai suatu kekaburan atau ketidakpastian tentang ciri-ciri jantina atau sifat-sifat yang perlu ada pada diri. Biasanya golongan ini merasakan diri mereka berbeza dengan kehendak hati dan kadangkala berasa serba salah apabila bergaul dengan individu daripada jantina sebaliknya. Oleh itu, berlakulah fenomena 'lelaki lembut dan perempuan keras'. Kewujudan golongan seperti “mak nyah,” “penkid,” homoseksual, “lesbian”, dan “gay” mengundang keresahan dan sekaligus mencetuskan kontroversi kepada masyarakat terutamanya di kalangan umat Islam di negara kita. Apa yang menjadi kebimbangan kini adalah golongan yang melakukan sesuatu yang bertentangan dengan fitrah dan syariat Islam yang sebenar, malah melawan norma dan nilai dalam masyarakat. (Amran Hassan, Fatimah Yusoooff & Khadijah Alavi, 2013).

Naluri pula didefinisikan sebagai potensi dalam diri manusia yang mendorong manusia cenderung terhadap sesuatu atau mendorong untuk meninggalkan sesuatu. Sesuatu disini membawa maksud keperluan fizikal dan rohani yang diperlukan untuk kelangsungan hidup. Naluri juga adalah ciri-ciri khusus yang terdapat dalam fitrah penciptaan manusia supaya manusia dapat meneruskan kehidupan dalam mencari keredhaan Pencipta. Naluri bagi setiap manusia adalah berbeza berdasarkan faktor luaran, pemikiran dan perjalanan kehidupan dan umur seseorang (Saktiyono B. Purwoko, Psikologi Islam: Teori dan Penelitian, ed. kedua, h. 40, 2018).

Alat kelamin atau organ seks tidak menentukan identiti gender tetapi otak dan persekitaran yang menjadi penyumbang. Konsep identiti gender ialah cara kita melihat diri dan naluri serta perasaan. Daripada identiti gender yang ada pada setiap individu itu, maka akan lahirlah eksperesi gender iaitu bagaimana cara seseorang itu mengekspresi diri dari segi pemakaian, penampilan, percakapan, pembawaan diri, dan sebagainya. Sebagai contoh, seseorang yang mengidentifikasikan diri sebagai seorang lelaki yang mempunyai alat kelamin lelaki tidak semestinya menjadi maskulin. Manakala seseorang perempuan yang mengidentifikasikan dirinya sebagai perempuan tidak semestinya menjadi feminin. Oleh itu identiti gender, naluri dan ekspresi

gender itu tidak bersifat biologi tetapi adalah dibentuk dari persekitaran, budaya atau proses sosialisasi (Justice for Sisters, 2015).

Edward Taylor (1871) sarjana Barat yang terkenal dalam bidang kebudayaan memberi definisi budaya sebagai *“culture or civilization is that complex whole which includes knowledge, belief, art, morals, law, custom, and any other capabilities and habits acquired by man as a member of society”* (Tylor, Primitive Culture, hlm. 1, 2016).

Berdasarkan definisi tersebut, jelas menunjukkan bahawa budaya menekankan aspek bukan kebendaan (*non-material culture*) dan juga aspek budaya kebendaan (*material culture*). Justeru, budaya ialah cara hidup manusia yang meliputi elemen ritual, jasmani dan intelek. Elemen ritual ialah kepercayaan dan penyembahan seseorang terhadap sesuatu yang dipercayai lebih berkuasa, elemen jasmani pula ialah cara bertindak seseorang itu dalam menjalani kehidupan seharian, manakala elemen intelek merupakan cara berfikir, berinteraksi dan beradaptasi seseorang itu dengan persekitaran, masyarakat dan alam. Oleh itu cara hidup manusia yang terbentuk daripada tiga elemen tersebut melibatkan dua aspek utama iaitu kebendaan dan bukan kebendaan (Kahiriah bt Mohd Yassin, Hubungan budaya dan ilmu dari perspektif Barat dan Islam, 2014). Oleh itu, konsep budaya dalam kecelaruan gender melibatkan aspek kepercayaan yang merasakan diri mereka berada dilandaskan yang betul, lalu diterjemahkan dalam aspek jasmani, iaitu bertingkahtlaku dan berpewatakan merentasi gender berlainan.

2.2 Faktor-Faktor Pendorong Kecelaruan Gender

Banyak kajian terdahulu membincangkan faktor-faktor penyebab dan pendorong terjadinya kecelaruan gender. Antaranya ialah kurangnya penghayatan agama. Penghayatan agama adalah sangat penting dalam memandu manusia kearah kebenaran dan menjauhi kebatilan. Malah agama dan keimanan adalah benteng yang kukuh dalam mengawal hawa nafsu serta dapat mendidik manusia untuk membezakan perkara baik dan buruk. Penghayatan agama yang rendah dan lemah serta tidak berpegang teguh kepada agama adalah antara pengaruh yang menyebabkan golongan kecelaruan gender terjerumus dalam gejala yang tidak bermoral ini. Sekaligus menyebabkan mereka terpesong dari batas kehidupan normal lalu melawan fitrah kejadian manusia (Azlina & Che W Hashimi Rafsanjani, 2018).

Selain itu, faktor dalaman atau naluri diri sendiri juga mendorong kearah kecelaruan ini. Antara beberapa aspek pengaruh dalaman yang dikenal pasti oleh pengkaji lain ialah naluri menyukai sesama jantina, pengaruh masa lampau dan mempunyai fahaman atau pemikiran yang terbuka terhadap isu kecelaruan gender. Seperti hasil kajian oleh Wan Azmi (1991) dan Amran & Suriati (2013) mendapati naluri tuntutan seseorang homoseksual hanya dipenuhi oleh sesama jantina, malah mereka ini bertindak mengikut nafsu iaitu

yang berlandaskan prinsip kenikmatan (id) tanpa menghirau super-ego yang menekankan prinsip moral. Pengaruh masa lampau juga turut memberi sumbangan dalam gejala ini, antaranya ialah penderaan seksual semasa kecil seperti diliwat dan putus cinta serta kecewa dengan kaum berlawanan jantina (Syarifah Rohaniah, 2011).

Faktor budaya dalam keluarga, budaya dalam media masa dan juga pengaruh rakan sebaya merupakan pengaruh luaran yang tidak kurang pentingnya menjadi pendorong. Proses sosialisasi dalam keluarga seperti mempunyai adik beradik perempuan yang ramai akan dipengaruhi oleh suasana feminin. Secara tidak langsung mencetuskan sifat kewanitaan dalam diri golongan yang mengalami kecelaruan. Persekitaran (Mustafa al-Khin & Mustafa al-Bugha, 2011) pembesaran anak-anak adalah sangat mempengaruhi tingkah laku mereka apabila dewasa kelak. Selain itu, pengaruh budaya media masa seperti melayari internet, terpengaruh dengan budaya barat dan mempunyai peluang yang luas untuk berkenalan sesama mereka. Pengaruh rakan sebaya juga memberi kesan yang besar seperti berkawan dengan ramai golongan ini dan secara tidak langsung lebih cenderung untuk terlibat sama dan ada juga yang mengajar mengenai kehidupan sebagai gay (Azlina & Che W Hashimi Rafsanjani, 2018).

2.3 Senario Kecelaruan Gender di Malaysia

Menurut JAKIM, masyarakat gay direkodkan meningkat hampir 100 peratus pada tahun 2018, iaitu peningkatan seramai 310 000 pada tahun 2018 berbanding 173 000 pada lima tahun lalu. Manakala golongan transgender pula merekodkan peningkatan kepada 30 000 individu pada tahun 2018 berbanding seramai 10 000 pada tahun 1988. Antara faktor yang menggalakkan fenomena ini ialah pola penjagaan bayi, sama ada dalam keluarga yang memberi perlindungan berlebihan, kekurangan kasih sayang atau yatim piatu, selain gejala buli dan ejekan dengan jolokan ‘lembut’ atau ‘sotong’, pornografi dan juga persekitaran. Selain itu, faktor lain yang turut menyumbang kepada peningkatan ahli masyarakat LGBT, termasuklah kemudahan media sosial yang memudahkan lagi golongan muda untuk mengakses perbincangan mengenai fenomena ini sesama mereka. Dalam beberapa kes, kanak-kanak dan remaja lelaki juga menjadi mangsa apabila diliwat oleh pelajar senior ketika berada di sekolah berasrama, sekali gus mengakibatkan wujudnya faktor ketagihan kepada seks sejenis dan bertukar menjadi seorang gay. Kebanyakan komuniti lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) bermula sejak mereka di sekolah berasrama, terutamanya bagi kanak-kanak dan remaja lelaki berusia 12 hingga 15 tahun kerana belum matang dan tak dapat membezakan jenis sentuhan ke atas mereka (Audrey Dermawan, 2018).

Ada beberapa kes transgender di Malaysia ini yang mengejutkan rakyat, salah satu contoh ialah kes Aleesya Farhana atau nama sebenar Mohd Ashraf

Hafiz Bin Abdul Aziz yang berusia 25 tahun telah gagal dalam permohonannya untuk menukar nama dalam myKad daripada Mohd Asyraf kepada Aleesya Farhana di Mahkamah Tinggi Terengganu. Akibat dari kegagalan tersebut, beliau telah mengalami kemurungan yang melampau sehingga menyebabkan beliau meninggal dunia akibat komplikasi jantung dan tekanan darah rendah (Malaysiakini, 2011).

Pada tahun 2018, masyarakat juga dikejutkan dengan penangkapan pasangan lesbian oleh Penguatkuasa Syariah Daerah Dungun di Terengganu. Mereka ditangkap di dalam kereta ketika asyik menjalinkan hubungan seksual. Kedua-duanya ditahan di bawah Seksyen 30 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) Terengganu 2001 kerana kesalahan *Musahaqah* iaitu pasangan lesbian. Akibat kesalahan tersebut, mereka telah dijatuhkan hukuman 6 kali sebatan. Isu ini mendapat perhatian masyarakat dan terdapat juga tentangan daripada pihak tertentu (Siti Hajar Jamal, 2018).

Lebih memalukan negara Malaysia adalah isu seorang usahawan kosmetik Muslim yang memakai telekung ketika menunaikan umrah telah mendapat reaksi negatif daripada pelbagai pihak, termasuk pemimpin negara dan masyarakat. Beliau bukan sekadar melanggar kesusilaan, tetapi gagal menghormati undang-undang negara Arab Saudi berkaitan peraturan tempat ibadat. Isu ini menerbitkan rasa kurang senang kerana mencemarkan kesucian agama Islam dan membawa imej negatif kepada negara Malaysia di saat seluruh negara Islam menghormati Malaysia kerana memiliki pengurusan haji dan umrah yang cekap. Datuk Seri Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri, mengatakan bahawa hukum perbuatan golongan *transgender* (*mukhannath*) menunaikan umrah secara tidak mengikut jantina asal mereka, adalah haram dan dikira berdosa sekalipun mematuhi rukun (Berita Harian, 2020).

Kewujudan golongan minoriti ini semakin menyerlah dan berkembang dalam masyarakat Melayu Islam di Negara kita. Ianya telah banyak dilaporkan di media massa dan juga kajian ilmiah yang mengkaji tentang kecelaruan gender seperti dalam kalangan mahasiswa di Institut Pengajian Tinggi dan juga dalam kalangan masyarakat pada setiap peringkat umur. Sekiranya isu ini tidak dilihat secara terperinci, lebih-lebih lagi dari sudut agama Islam, dikhuatiri ianya akan terus merebak yang mengancam pegangan keagamaan, moral, kesihatan, sistem kekeluargaan, perundangan dan ekonomi (Wan Azmi, 1998).

2.4 Status Transgender Menurut Perspektif Islam

Adalah suatu kekeliruan menanggapi secara pukal bahawa *khuntha* dan *mukhannath* dimurkai Allah SWT. Islam telah memperincikan fenomena ini secara mendalam dan adil. Seorang insan dilahirkan dengan dua alat jantina adalah tidak bersalah, apatah lagi dipersalahkan. Fuqaha telah mengemukakan secara terperinci bagaimana *khuntha* boleh menentukan jantintanya berdasarkan kekuatan fungsi alat kelaminnya (Al Mausû'ah al Fiqhiyyah al

Kuwaitiyyah, 1997). *Khuntha* tidak dibahaskan dalam penulisan ini disebabkan kecelaruan tidak wujud pada alat kelamin.

Isu berkaitan dengan jantina yang disebabkan oleh faktor budaya ialah *mukhannath* dan *muttarajjilah* yang mana Islam telah menampilkan sikap yang jelas terhadap *mukhannath* dengan membahagikan kepada dua bahagian (Mustafa al-Khin, 2011):

(i). *Mukhannath Khalqi* atau *Asli* (semulajadi daripada kelahiran). Katogeri ini sering diistilahkan dalam masyarakat Melayu sebagai “lelaki lembut”. Perlakuan silang jantina ini dimaafkan pada syarak disebabkan ia bukan sengaja dibuat-buat tetapi lahir daripada naluri yang mirip kewanitaian atau kelakian.

(ii). *Mukhannath wad'i* (jadian). Jenis ini termasuk dalam istilah pondan atau pengkid. Perwatakan mereka bukan asli, tetapi dari sebab mendatang atau muncul daripada sosiobudaya atau faktor persekitaran. Islam melarang kerana kecelaruan daripada jenis ini kerana bertentangan dengan fitrah kejantinaan, bahkan tindakan pencerobohan ke atas keaslian jantina. Tatkala lelaki berpewatakan perempuan dengan gaya percakapan, pakaian dan perhiasan seperti perempuan, pastilah mengelirukan.

Keterangan di atas menjelaskan bahawa *mukhannath khalqi* tidak termasuk dalam celaan dan laknat Allah SWT, manakala *mukhannath wad'i* Islam mengharamkannya dan wajib bertaubat nasuha (Mohd Azhar, 2021). Perlu dipertegaskan bahawa *mukhannath* adalah tertakluk hukum sebagai lelaki walaupun ia menukar jantintanya. Begitu juga *mutarajjilah* kekal sebagai perempuan meskipun cara hidupnya seperti lelaki. *Mukhannath* dan *mutarajjilah* tidak boleh mengubah atau menukar hakikat dirinya. (Manual Islam & Mak Nyah, 2003). Bagi menjelaskan lagi pendirian Islam terhadap dua jenis *mukhannath* tersebut, memadailah dibentangkan hadis yang berkaitan sebagaimana di bawah:

أَنَّ أُمَّ سَلَمَةَ أَخْبَرَتْهَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ عِنْدَهَا فِي الْبَيْتِ مُحْنَتٌ فَقَالَ لِعَبْدِ اللَّهِ أَخِي أُمَّ سَلَمَةَ يَا عَبْدَ اللَّهِ إِنْ فُتِحَ لَكُمْ غَدًا الطَّائِفُ فَإِنِّي أَذُوكَ عَلَى بِنْتِ غَيْلَانَ فَإِنَّهَا تُقْبَلُ بِأَرْبَعٍ وَتُدْبَرُ بِثَمَانٍ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : لَا يَدْخُلَنَّ هَؤُلَاءِ عَلَيْكُمْ

Terjemahan: Dari Umm Salamah, bahawa Nabi SAW masuk (ke dalam rumah) yang sedang bersama dengan Umm Salamah seorang mukhannath. (Baginda) mendengar dia berkata kepada kepada Abdullah; saudara lelaki Umm Salamah: “Wahai Abdullah, jika Allah membukakan bumi Taif besok, saya akan tunjukkan kepadamu anak perempuan Ghaylan (untuk berkahwin bernama Badiyah). Sesungguhnya bila dia mengadap (kelihatan) empat (lipatan) dan membelakangi dengan lapan (lipatan kerana gemuk). Lantas Nabi

SAW bersabda: Jangan benarkan lelaki-lelaki ini masuk ke rumah-rumah kalian”.

[*Sahih al-Bukhari*, no. hadis: 5887]

Hadis di atas dibahagikan kepada dua situasi. Pertama situasi *mukhannath* diharuskan memasuki rumah-rumah isteri Rasulullah SAW atas hujahan Baginda tidak terus menghalaunya. Situasi kedua, apabila Rasulullah SAW mendengar suara lembutnya dan membuka keaiban seseorang, barulah Rasulullah SAW menghalaunya keluar dari rumah Umm Salamah. Dikatakan *mukhannath* itu bernama Hit (هِيتُ), Mani' (مَانِعٌ) atau Hanab (هَنْبٌ) (Abu Fadl, 1991 & al-Qurtubi, 2000).

Ibn Battal dalam *Syarah Sahih al-Bukhari* (2013) memperincikan hadis riwayat Abu Hurayrah RA mengenai lokasi dan waktu Rasulullah SAW melarangnya. Rasulullah SAW sama sekali tidak terus bertindak melarang atau mencela *mukhannath* ketika mana mula-mula bertemu dengannya. Ibn Battal menyebut:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ إِذَا رَأَى الْمُخَنَّثَ لَمْ يَنْكَرْ الْحِثَّ مِنْهُ

Terjemahan: “Sesungguhnya Rasulullah tatkala melihat *mukhannath* tidak mengingkari (sifat asal) kelembutan itu.”

Namun, sikap dan tindakan Rasulullah SAW terhadap *mukhannath* berubah setelah berlaku salah satu tiga perkara di bawah:

- (i). Rasulullah SAW mendengar *mukhannath* bercerita tentang sifat-sifat perempuan ajnabiyah yang dilihatnya dan menceritakannya kepada seorang lelaki ajnabi. Maka Rasulullah SAW bertindak menghalau keluar daripada rumahnya.
- (ii). *Mukhannath* keluar rumah dan bergaul dengan masyarakat dalam keadaan menzahirkan penyerupaan silang jantina dengan memakai anai di jari dan kaki yang merupakan perhiasan bagi kaum perempuan. Ini suatu kesalahan yang jika pemerintah tidak mengambil tindakan tegas akan mengelirukan dan menjejaskan kepentingan awam. Maka Rasulullah SAW bertindak atas kapasiti ketua negara menjatuhkan hukuman membuang daerah.

3. Metodologi Kajian

Kajian ini mengambil pendekatan mengkaji faktor-faktor seperti pengetahuan agama, amalan agama dalam kehidupan serta penghayatan agama golongan ini. Selain itu, faktor naluri dan juga budaya turut dikaji untuk mengetahui

hubungan faktor tersebut dalam mempengaruhi permasalahan kecelaruan gender dalam kalangan mereka yang terlibat.

Kajian ini adalah kajian kuantitatif dengan mengedarkan borang soal selidik sebanyak 200 borang kepada responden yang dipilih berdasarkan ciri-ciri yang dikehendaki. Namun hanya 120 borang yang dikembalikan dan dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS versi 17. Teknik persampelan yang digunakan adalah persampelan bertujuan iaitu responden mempunyai ciri-ciri yang dikehendaki oleh penyelidik sahaja. Antara ciri-ciri adalah seperti beragama Islam, mempunyai masalah dalam menentukan identiti gender dan berpewatakan serta mempunyai naluri dengan jantina sejenis.

Kaedah pengambilan sampel yang digunakan dalam kajian ini adalah persampelan bukan kebarangkalian kerana jumlah populasi yang sebenar adalah tidak diketahui dan populasi golongan ini agak sukar untuk didekati kerana kebanyakannya merahsiakan identiti mereka. Sampel kajian bertujuan iaitu tinggal sekitar Kuala Lumpur, beragama Islam dan mengalami kecelaruan gender. Sebanyak 200 borang kaji selidik diedarkan dan hanya 120 borang yang dikembalikan iaitu 84 orang pondan dan 36 orang pengkid.

Sebanyak 50 soalan kajian telah dikemuka dalam borang soal selidik yang menggunakan skala Likert untuk mengukur tahap jawapan responden. Data dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS (Statistical Package for Social Sciences) versi 17.0 untuk menganalisis data statistik deskriptif dan juga statistik inferensi. Statistik deskriptif digunakan untuk mencari kekerapan, min dan peratusan manakala statistik inferensi menggunakan Ujian Kolerasi Spearman untuk mencari hubungan antara faktor agama, naluri dan budaya dengan kecelaruan gender.

4. Analisis Data Dan Dapatan Kajian

Borang soal selidik yang diberikan kepada responden mempunyai 4 bahagian iaitu bahagian A adalah mengenai demografi responden, bahagian B adalah mengenai pengetahuan agama, amalan keagamaan dalam kehidupan seharian dan penghayatan agama, bahagian C adalah tentang naluri dan juga pemahaman istilah seks dan gender, akhir sekali bahagian D adalah tentang budaya atau proses sosialisasi dalam keluarga, rakan, masyarakat dan media di zaman kanak-kanak sehingga dewasa. Sebelum borang soal selidik diedarkan dalam kajian sebenar, *pilot test* atau ujian rintis telah dijalankan kepada 30 orang responden lain tetapi mempunyai ciri-ciri yang sama dengan responden sebenar. Chua Yan Piaw, (2014) mencadangkan penyelidik menggunakan antara 30 hingga 40 subjek untuk menjawab kajian rintis. Data dari ujian rintis telah diuji dengan menggunakan ujian Alpha Cronbach untuk mengetahui tahap kesahan dan kebolehpercayaan instrumen dan hasil ujian ialah 0.78. Maka borang soal selidik tersebut boleh digunakan dalam kajian sebenar kerana keputusan ujian adalah lebih dari 0.7 dan berada pada tahap baik dan

boleh diterima. Ini adalah berdasarkan jadual interpretasi skor Alpha Cronbach dari Bond dan Fox (2007).

Jadual 1: Interpretasi Skor Alpha Cronbach

Skor Alpha-Cronbach	Kebolehppercayaan
0.9 – 1.00	Sangat baik dan efektif dengan tahap konsistensi yang tinggi
0.7 – 0.8	Baik dan boleh diterima
0.6 – 0.7	Boleh diterima
< 0.6	Item perlu dibaiki
< 0.5	Item perlu digugurkan

Sumber: (Bond & Fox, 2007)

Dapatan data dianalisis dengan menggunakan SPSS versi 17 dan dipersembahkan dalam bentuk statistik deskriptif dan statistik inferensi. Bagi tujuan interpretasi data deskriptif, dapatan analisis berpandukan jadual skor min dari Nunnally dan Bernstein seperti yang dinyatakan dalam jadual 1. Bagi tujuan interpretasi dapatan inferensi yang diperolehi, skala cadangan dari Joseph et al. (1997) digunakan sebagai panduan untuk menentukan kekuatan hubungan antara pembolehubah yang diuji dalam kajian ini sebagaimana yang dinyatakan dalam jadual 2. Data diuji dengan ujian normaliti sebelum dianalisis untuk statistik inferensi dan didapati data tidak normal, oleh itu Ujian Kolerasi Spearman digunakan.

Jadual 2: Interpretasi Skor Min

Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00 – 2.00	Rendah
2.01 – 3.00	Sederhana rendah
3.01 – 4.00	Sederhana tinggi
4.01 – 5.00	Tinggi

Sumber: (Nunnally & Bernstein, 1994)

Jadual 3: Kekuatan Hubungan Mengikut Nilai Korelasi Spearman

Nilai Indeks Kolerasi	Interpretasi /kekuatan Hubungan
0.00 – 0.00	Tiada hubungan
0.10 – 0.09	Hubungan tidak bermakna
0.10 – 0.29	Hubungan lemah
0.30 – 0.49	Hubungan sederhana
0.50 – 0.69	Hubungan kuat
0.70 – 0.89	Hubungan sangat kuat
> 0.90	Hubungan hampir sempurna

Sumber: (Joseph et al., 1997)

a) Statistik Deskriptif

Jadual 4: Bahagian A: Demografi Responden

Bil.	Item	Skala	Kekerapan	Peratus
1	Jantina	Lelaki	84	70%
		Perempuan	36	30%
2	Umur	18 – 30 tahun	76	63.3%

3	Tahap Pengajian	31 – 45 tahun	40	33.3%
		46 – 55 tahun	4	3.4%
		Doktor Falsafah	3	2.5%
		Ijazah Sarjana	8	6.7%
		Ijazah Sarjana Muda	16	13.3%
		Diploma	31	25.8%
4	Pekerjaan	Sekolah menengah	45	37.5%
		Sekolah rendah	17	14.2%
		Professional	39	32.5%
		Tidak professional	18	15%
		Bekerja sendiri	45	37.5%
		Masih belajar	18	15%
5	Status	Berkahwin	11	9.2%
		Belum berkahwin	106	88.3%
		Duda	2	1.7%
		Janda	1	0.8%
6	Status ibu bapa	Bersama	85	70.8%
		Berpisah	35	29.2%
7	Tinggal bersama	Keluarga	64	53.3%
		Rakan	38	31.7%
		Seorang diri	18	15%
	Jumlah		120	100%

Berdasarkan jadual 4 iaitu demografi responden, peratusan yang paling tinggi ialah responden yang berumur 18 hingga 30 ialah 63%, tahap pengajian iaitu peringkat Diploma 37.5%, bekerja sendiri 37.5%, status belum berkahwin 88.3%, status ibu bapa yang masih bersama ialah 70.8% dan mereka tinggal bersama keluarga sebanyak 53.3%.

Jadual 5: Bahagian B: Agama

Bil	Item	Skala	Kekerapan	Min	Sisihan Piawai	%	Int. Skor
1	Pengetahuan rukun iman	Sempurna	66	-	0.50	55%	-
		Tidak sempurna	54			45%	
2	Pengetahuan rukun Islam	Sempurna	101	-	0.37	84.2%	-
		Tidak sempurna	19			15.8%	
3	Pengetahuan hukum Islam tentang menukar alat kelamin	Wajib	1	-	0.65	0.8%	-
		Harus	1			0.8%	
		Haram	78			65%	
		Tidak pasti	40			33.4%	
4	Pengetahuan hukum Islam tentang pemilihan jantina sekiranya khunsa	Wajib	27	-	2.10	22.5%	-
		Sunat	1			0.8%	
		Harus	28			23.4%	
		Haram	1			0.8%	
		Tidak pasti	63			52.5%	

5	Menunaikan solat fardhu lima waktu	Amat	11	3.33	0.83	9.2%	Sederhana tinggi
		kerap	34			28.2%	
		Kerap	62			51.7%	
		Kadang-kadang	2			9.2%	
		Tidak pasti	11			1.7%	
6	Berpuasa penuh di bulan Ramadhan	Tidak pernah		3.94	0.98		Sederhana tinggi
		Amat	36			30%	
		kerap	40			33.3%	
		Kerap	39			32.5%	
		Kadang-kadang	5			4.2%	
7	Mandi junub bila berhadass besar	Tidak pernah		2.86	1.19		Sederhana rendah
		Amat	36			30%	
		kerap	54			45%	
		Kerap	23			19.2%	
		Kadang-kadang	6			5%	
8	Membaca Al-Quran	Tidak pasti	1	2.86	0.73	0.8%	Sederhana rendah
		Tidak pernah					
		Amat	2			1.7%	
		kerap	14			10.7%	
		Kerap	75			64.2%	
9	Membayar zakat fitrah	Kadang-kadang	5	3.64	1.19	4.4%	Sederhana tinggi
		Tidak pasti	24			19%	
		Tidak pernah					
		Amat	33			27.5%	
		kerap	39			32.5%	
10	Menghadiri kuliah atau ceramah agama	Kerap	29	2.84	0.72	24.2%	Sederhana rendah
		Kadang-kadang	9			7.5%	
		Tidak pasti	10			8.3%	
		Tidak pernah					
		Amat	4			3.3%	
		kerap	9			7.5%	
		Kerap	73			60.8%	
		Kadang-kadang	2			1.7%	
		Tidak pasti	32			26.7%	
		Tidak pernah					

Disforia Gender di Malaysia: Hubungan Pengaruh Agama, Naluri dan Budaya

11	Ibu bapa membantu dalam mengami dan mempraktikkan ajaran Islam	Amat membantu	35	3.98	0.93	29.2%	Sederhana tinggi
		membantu	59			49.2%	
		Membantu	20			16.7%	
		Kurang membantu	5			4.2%	
		Tidak pasti	1			0.8%	
12	Keluarga dan sanak saudara membantu dalam memahami dan mempraktikkan ajaran Islam	Tidak membantu		3.77	0.86		Sederhana tinggi
		Amat membantu	21			17.6%	
		membantu	61			50.8%	
		Membantu	31			25.8%	
		Kurang membantu	3			2.5%	
13	Rakan-rakan membantu dalam memahami dan mempraktikkan ajaran Islam	Tidak membantu	4	3.57	0.83	3.3%	Sederhana tinggi
		Amat membantu	11			9.2%	
		membantu	58			48.3%	
		Membantu	44			36.7%	
		Kurang membantu	4			3.3%	
14	Ajaran agama Islam amat penting	Tidak membantu	3	4.45	0.80	2.5%	Tinggi
		Amat setuju	66			55%	
		Setuju	50			41.7%	
		Tidak pasti	4			3.3%	
		Amat setuju					
15	Tidak tahu dan tidak mahu tahu tentang ajaran Islam	Tidak setuju	2	2.32	0.68	1.7%	Sederhana rendah
		Amat setuju	41			34.2%	
		Tidak setuju	69			57.5%	
		Amat tidak setuju	8			6.6%	
		Tidak pasti					
16	Hukum hakam Islam membataskan kebebasan	Amat tidak setuju	9	2.75	1.10	7.5%	Sederhana rendah
		Setuju	21			17.5%	
		Tidak setuju	34			28.3%	
		Amat tidak setuju	44			36.7%	
		Tidak pasti	12			10.0%	

17	Tidak bersetuju mengharamkan lelaki berkelakuan dan berpakaian wanita atau sebaliknya	Amat setuju Setuju Tidak setuju Amat tidak setuju Tidak pasti	15 17 17 66 5	2.75	1.14	12.5% 14.2% 14.2% 55.0% 4.2%	Sederhana rendah
18	Memilih gender adalah hak peribadi	Amat setuju Setuju Tidak setuju Amat tidak setuju Tidak pasti	14 31 19 47 9	2.95	1.19	11.7% 25.8% 15.8% 39.2% 7.5%	Sederhana rendah
19	Yakin dengan kehidupan sekarang adalah di jalan yang benar	Amat setuju Setuju Tidak setuju Amat tidak setuju Tidak pasti	22 62 16 4 16	3.58	1.22	18.3% 51.7% 13.3% 3.3% 13.3%	Sederhana tinggi
Jumlah/skor keseluruhan			120	3.30	0.39	100%	Sederhana tinggi

Berdasarkan jadual 5 iaitu item pengetahuan, amalan dan penghayatan agama, secara keseluruhannya didapati min berada pada tahap sederhana tinggi iaitu 3.30. Namun bagi item pengetahuan agama, kebanyakan responden mempunyai asas pengetahuan agama berdasarkan peratusan yang tinggi dalam item pengetahuan rukun Islam dan rukun iman iaitu 84% dan 55%. Begitu juga dengan pengetahuan tentang hukum menukar alat kelamin iaitu 65% menjawab haram. Item yang paling tinggi skor min iaitu 4.45 ialah pada item nombor 14 iaitu “ajaran Islam amat penting”. Manakala skor min yang paling rendah iaitu 2.32 ialah pada item nombor 15 dengan pernyataan berbentuk negatif iaitu “tidak tahu dan tidak mahu tahu tentang ajaran Islam”.

Jadual 6: Bahagian C: Naluri

Bil	Item	Skala	Kekerapan	Min	Sisihan Piawai	Peratus	Int. Skor
1	Tidak suka/tidak	Amat setuju	1 4			0.8%	Rendah

	dapat menerima dengan redha organ seks semulajadi	Setuju Tidak setuju Amat tidak setuju Tidak pasti	21 48 46	1.88	0.87	3.3% 17.5% 40.1% 38.3%	
2	Mahu menukar organ seks yang berlawanan sekiranya diberi peluang	Amat setuju Setuju Tidak setuju Amat tidak setuju Tidak pasti	3 25 18 55 19	2.48	1.07	2.5% 20.8% 15% 45.8% 15.9%	Sederhana rendah
3	Organ seks dan gender adalah sesuatu yang berbeza	Amat setuju Setuju Tidak setuju Amat tidak setuju Tidak pasti	19 30 13 12 46	2.71	1.11	15.8% 25% 10.8% 10% 38.4%	Sederhana rendah
4	Organ seks yang membentuk gender seseorang	Amat setuju Setuju Tidak setuju Amat tidak setuju Tidak pasti	25 37 9 7 42	2.70	1.57	20.9% 30.8% 7.5% 5.8% 35%	Sederhana rendah
5	Gender seseorang boleh dibentuk selepas kelahiran tetapi tidak organ seks	Amat setuju Setuju Tidak setuju Amat tidak setuju Tidak pasti	7 21 13 26 53	2.95	1.32	5.8% 17.5% 10.8% 21.7% 44.2%	Sederhana rendah
6	Merasakan diri seperti gender yang berlawanan	Amat setuju Setuju Tidak setuju Amat tidak setuju Tidak pasti	22 35 25 31 7	2.71	1.20	18.3% 29.3% 20.8% 25.8% 5.8%	Sederhana rendah
7	Nafsu syahwat lebih cenderung kepada individu sama jantina	Amat setuju Setuju Tidak setuju	33 47 15 15 10	3.65	1.24	27.5% 39.2% 12.5% 12.5% 8.3%	Sederhana tinggi

		Amat tidak setuju					
		Tidak pasti					
8	Naluri	Amat	20			16.7%	Sederhana
	perwatakan,	setuju	38			31.7%	tinggi
	berpakaian	Setuju	23	3.25	1.22	19.2%	
	dan bersosial	Tidak	30			25%	
	lebih ke arah	setuju	9			7.5%	
	berlawanan	Amat tidak setuju					
	gender	Tidak pasti					
9	Naluri dan	Amat	44			36.7%	Tinggi
	nafsu saya	setuju	52			43.3%	
	adalah	Setuju	13	4.01	1.07	10.8%	
	semulajadi dan	Tidak	4			3.3%	
	bukan	setuju	7			5.8%	
	pengaruh dari	Amat tidak setuju					
	kawan-kawan	Tidak pasti					
	atau budaya						
	luar						
	Jumlah/skor		120	2.86	0.44	100%	Sederhana
	keseluruhan						rendah

Berdasarkan jadual 6, iaitu item naluri dan juga pengetahuan istilah berkaitan dengan gender dan organ seks, secara keseluruhannya didapati skor min berada pada tahap sederhana rendah iaitu 2.86. Namun begitu terdapat satu item min skornya pada tahap tinggi iaitu 4.01, item nombor 9 dengan pernyataan “naluri dan nafsu saya adalah semulajadi dan bukan pengaruh dari kawan-kawan atau budaya luar”. Manakala skor min yang paling rendah ialah item nombor 1 iaitu 1.88 dengan pernyataan negatif “tidak suka/tidak dapat menerima dengan redha organ seks semulajadi”.

Jadual 7: Bahagian D: Budaya / sosialisasi

Bil	Item	Skala	Kekerapan	Min	Sisihan Piawai	Peratus	Int. Skor
1	Ibubapa	Setuju	14			11.7%	Sederhana
	mengharapkan	Tidak	20	2.05	0.99	16.7%	tinggi
	dilahirkan	setuju	44			36.7%	
	dengan organ	Amat tidak setuju	42			35%	
	seks	Setuju					
	berlawanan	Tidak pasti					
2	Sejak kecil lagi	Amat setuju	13			10.8%	Sederhana
	berpakaian	Setuju	26			21.7%	rendah
	seperti gender	Tidak	26	2.85	1.21	21.7%	
	yang	setuju	40			33.3%	
	berlawanan	Amat tidak setuju	15			12.5%	
		Tidak pasti					
3	Sejak kecil lagi	Amat setuju	11			9.2%	Sederhana
	bermain	Setuju	46			38.3%	tinggi

Disforia Gender di Malaysia: Hubungan Pengaruh Agama, Naluri dan Budaya

	permainan yang berlawanan dengan gender	Tidak setuju Amat tidak setuju	32 21 10	3.22	1.10	26.7% 17.5% 8.3%	
4	Sejak kecil suka berkawan dengan gender yang berlawanan	Tidak pasti Amat setuju Setuju Tidak setuju Amat tidak setuju	16 76 13 12 3	3.75	0.90	13.3% 63.3% 10.8% 10% 2.5%	Sederhana tinggi
5	Ibubapa tidak pernah menghalang dan melarang berperwatakan berlainan gender sejak kecil lagi	Tidak pasti Amat setuju Setuju Tidak setuju Amat tidak setuju	7 44 21 37 11	2.99	1.13	5.8% 36.7% 17.5% 30.8% 9.2%	Sederhana rendah
6	Ibubapa dan adik beradik tidak pernah menghalang kehendak sejak dari kecil lagi	Tidak pasti Amat setuju Setuju Tidak setuju Amat tidak setuju	8 50 26 28 8	3.18	1.08	6.7% 41.7% 21.7% 23.3% 6.7%	Sederhana tinggi
7	Gemar dan selesa mendekati golongan seperti saya	Tidak pasti Amat setuju Setuju Tidak setuju Amat tidak setuju	39 58 16 4 3	4.05	0.90	32.5% 48.3% 13.3% 3.3% 2.5%	Tinggi
8	Masyarakat memahami dan menerima keadaan saya dengan terbuka	Tidak pasti Amat setuju Setuju Tidak setuju Amat tidak setuju	30 53 21 10 6	3.75	1.08	25% 44.2% 17.5% 8.3% 5%	Sederhana tinggi
9	Suka dengan budaya Barat	Tidak pasti Amat setuju Setuju Tidak setuju Amat tidak setuju	15 49 25 16 15	3.27	1.21	12.5% 40.8% 20.8% 13.3% 12.5%	Sederhana tinggi
10	Ibubapa memberi kebebasan dan kepercayaan	Tidak pasti Amat setuju Setuju Tidak setuju	15 66 18 14	3.56	1.04	12.5% 55% 15% 11.7%	Sederhana tinggi

	sepenuhnya dalam mencorak kehidupan sendiri	Amat tidak setuju Tidak pasti	7			5.8%.	
11	Mendapat banyak informasi dari media tentang golongan kecelaruan gender	Amat setuju Setuju Tidak setuju Amat tidak setuju Tidak pasti	16 65 12 2 25	3.37	1.34	13.3% 54.2% 10% 1.7% 20.8%	Sederhana tinggi
12	Rancangan television banyak mempopularkan watak golongan ini	Amat setuju Setuju Tidak setuju Amat tidak setuju Tidak pasti	12 34 23 1 50	2.64	1.50	10% 28.3% 19.2% 0.8% 41.7%	Sederhana rendah
13	Merasa bangga apabila mendapat perhatian ramai	Amat setuju Setuju Tidak setuju Amat tidak setuju Tidak pasti	13 48 25 25 9	3.25	1.13	10% 40% 20.8% 20.8% 7.5%	Sederhana tinggi
14	Tidak kisah walaupun tidak diterima dalam masyarakat	Amat setuju Setuju Tidak setuju Amat tidak setuju Tidak pasti	19 58 19 14 10	3.51	1.14	15.8% 48.3% 15.8% 11.7% 8.3%	Sederhana tinggi
	Jumlah/skor keseluruhan		120	3.25	0.35	100%	Sederhana tinggi

Berdasarkan jadual 7 iaitu item budaya, secara keseluruhan didapati skor min berada pada tahap sederhana tinggi iaitu 3.25. Skor min yang paling tinggi ialah 4.05 iaitu item nombor 7 dengan pernyataan “gemar dan selesa mendekati golongan seperti saya”. Manakala skor min yang paling rendah ialah 2.05 iaitu item no 1 “ibubapa mengharapkan dilahirkan dengan organ seks berlawanan”.

b) Statistik Inferensi: Ujian Hipotesis

Jadual 8: Ujian Korelasi Spearman

	Faktor	Nilai Signifikan	Nilai Kolerasi	N
Kecelaruan Gender	Penghayatan Agama	.000	.83**	120
	Naluri	.000	.65**	120

Budaya/sosialisasi	.000	.57**	120
--------------------	------	-------	-----

** Correlation is significant at the 0.01 level (2 tailed)

Hipotesis 1: Tiada hubungan signifikan antara pengetahuan dan penghayatan agama dengan kecelaruan gender

Jadual di atas menunjukkan ujian ke atas Ho1 dengan menggunakan ujian kolerasi Spearman. Hasil didapati bahawa nilai-p bagi hubungan antara pembolehubah agama dengan kecelaruan jantina ialah 0.00. Nilai ini adalah lebih kecil daripada 0.01 Oleh itu keputusannya ialah signifikan. Manakala nilai-r pula ialah 0.83 yang menunjukkan terdapat hubungan yang sangat kuat di antara faktor tersebut. Maka hipotesis nul ditolak dan hipotesis alternatif diterima iaitu terdapat hubungan signifikan antara pembolehubah agama dengan kecelaruan gender.

Hipotesis 2: Tiada hubungan signifikan antara naluri dengan kecelaruan gender

Jadual di atas menunjukkan ujian ke atas Ho2 ialah hasil dengan menggunakan ujian kolerasi Spearman. Hasil didapati bahawa nilai-p bagi hubungan antara pembolehubah naluri dan jantina dengan kecelaruan gender ialah 0.00. Nilai ini adalah lebih kecil daripada 0.01, oleh itu keputusannya ialah signifikan. Manakala nilai-r pula ialah 0.65 yang menunjukkan terdapat hubungan yang kuat di antara faktor tersebut. Maka hipotesis nul di tolak dan hipotesis alternatif diterima iaitu terdapat hubungan signifikan antara pembolehubah naluri dengan kecelaruan gender.

Hipotesis 3: Tiada hubungan signifikan antara budaya/sosialisasi dengan kecelaruan gender

Jadual di atas menunjukkan ujian ke atas Ho3 dengan menggunakan ujian kolerasi Spearman. Hasil didapati bahawa nilai-p bagi hubungan antara pembolehubah budaya dengan kecelaruan gender ialah 0.00. Nilai ini adalah lebih kecil daripada 0.01, oleh itu keputusannya ialah signifikan. Manakala nilai-r pula ialah 0.57 yang menunjukkan terdapat hubungan yang kuat di antara faktor tersebut. Maka hipotesis nul di tolak dan hipotesis alternatif diterima iaitu terdapat hubungan signifikan antara pembolehubah budaya dengan kecelaruan gender.

5. Perbincangan

Kesemua responden yang terlibat dalam kajian ini adalah beragama Islam dan berbangsa Melayu, tetapi mempunyai latar belakang keluarga dan pendidikan yang berbeza. Mereka juga mempunyai pekerjaan sendiri sama ada dalam

bidang professional atau tidak dan juga mempunyai hubungan yang baik dengan ibu bapa dan juga keluarga. Berdasarkan hasil kajian bagi faktor agama yang, didapati kebanyakan responden mempunyai asas dalam pengetahuan agama, mengamalkan ajaran Islam seperti sembahyang lima waktu sehari semalam, berpuasa di bulan Ramadhan, membaca Al-Quran dan cuba mendalami agama Islam sebagai cara hidup. Malah mereka agak yakin bahawa mereka di jalan yang benar kerana melakukan amal ibadah seperti muslim lain. Walaubagaimanapun, kebanyakan pernyataan item pada bahagian agama adalah dalam pernyataan positif, oleh itu ianya memberi kesan kepada skor min yang tinggi pada bahagian ini. Ini bermakna walaupun responden mempunyai pengetahuan dan asas dalam ajaran Islam tetapi masih lagi terjebak dalam kecelaruan gender disebabkan dorongan naluri dan nafsu yang menguasai.

Hal ini terjadi kerana faktor naluri juga menjadi penyumbang kepada disforia gender apabila dorongan nafsu dan naluri untuk menjadi jantina berlawanan sangat kuat dan menguasai diri. Malah, mereka merasakan kecenderungan nafsu dan naluri yang ada dalam diri mereka untuk berperilaku, bertindak dan berpakaian seperti jantina berlawanan adalah semulajadi dan bukan dibuat-buat. Bahkan ada di antara mereka mahu menukar jantina sekiranya diberi peluang kerana perasaan dan nafsu yang semakin membuak-buak.

Selain itu faktor budaya juga mempunyai hubungan yang kuat. Kebanyakan responden mendapat kebebasan dari ibu bapa dan keluarga sejak dari kecil lagi dalam memainkan peranan gender. Ini bermakna ibu bapa tidak menghalang berkawan, bermain dan berpewatakan seperti jantina berlawanan sejak dari kecil lagi. Selain itu, pengaruh budaya Barat dan informasi tentang golongan kecelaruan gender yang senang di perolehi turut menjadi faktor penyumbang kepada isu ini. Tambahan lagi populariti golongan ini dalam rancangan television yang semakin berkembang menjadikan mereka merasakan diri mendapat perhatian sekaligus merasa bangga dengan kepopularitian mereka, malah mereka tidak kisah walaupun tidak diterima dalam masyarakat.

Akibat era globalisasi yang dihadapi sekarang, pengaruh media cetak, elektronik, kemajuan sains dan teknologi dalam era dunia tanpa sempadan telah melanda masyarakat kita sekaligus memberi pengaruh. Budaya barat dan juga informasi tentang golongan kecelaruan gender banyak dipopularkan dalam media elektronik dan ini secara tidak langsung memburukkan lagi keadaan kerana masyarakat terdedah kepada maklumat yang tidak berfaedah, malah memberi kesan negatif. Secara tidak langsung kanak-kanak dan remaja akan mudah terpengaruh kerana sentiasa terdedah dengan budaya yang tidak bermoral.

Kemusnahan sistem sosial dengan percanggahan nilai, perkosaan adat budaya kita sebagai orang Timur dan juga pelanggaran syariat Islam yang

terjadi pada hari ini adalah akibat daripada pembudayaan negatif ini. Bagi menanganinya dari akar umbi, maka ianya perlu bermula dari institusi keluarga, institusi pendidikan, masyarakat dan seterusnya kerajaan dalam pembinaan insan yang teguh keimanan, kuat dari segi mental dan rohani, mempunyai jati diri dan mantap nilai-nilai murni dalam diri. Semua aspek ini adalah asas dalam pembentukan identiti. Dalam konsep menegak kemungkaran, adalah menjadi kewajipan setiap individu memelihara diri, keluarga dan masyarakat daripada terjatuh dan terus tenggelam ke dalam lembah kemaksiatan.

6. Kesimpulan

Kajian yang dijalankan ini telah mengetengahkan beberapa faktor dan isu yang timbul berkenaan dengan fenomena kecelaruan gender. Walaupun amalan dan penghayatan agama agak baik dalam kalangan responden, namun kecenderungan naluri dan juga faktor persekitaran dan pembudayaan dari keluarga, masyarakat dan juga media masa menyebabkan golongan ini tidak kuat untuk menentang arus yang melanda. Oleh itu, institusi kekeluargaan merupakan agen primer dalam proses sosialisasi perlu diperkukuhkan kerana ibu bapa sepatutnya berusaha memainkan peranan mereka dengan baik untuk memastikan anak-anak mendapat kasih sayang, pendidikan dan perhatian yang secukupnya supaya tidak mudah terpengaruh dengan budaya yang tidak bermoral. Selain itu, ibu bapa boleh menekankan peranan jantina sejak dari kecil lagi dan memandu anak-anak mengikut fitrah kejadian manusia yang diredhai Allah. Disamping itu, rakan sebaya juga dikenalpasti mempunyai pengaruh yang kuat terhadap proses pembentukan akhlak. Selain interaksi sosial dengan keluarga, rakan sebaya juga memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi perkembangan intelek, sahsiah, emosi dan sosial.

Rujukan

- Abu Fadl, 'Iyad bin Musa & Ikmal al-Mu'lim bi Fawa'id Muslim. (1998). *Tahqiq: Yahya Isma'il*. Misr: Dar al-Wafa'.
- Ahmad Yani Abd Manaf. (2014). *Al-Quran al-Karim, Al-Haramain: Terjemahan & Tajwid* (5th ed.). Selangor: Karya Bestari Sdn. Bhd..
- Al Mausû'ah al Fiqhiyyah al Kuwaitiyyah. (1997). Kuwait: *Wazaarat al Awqaaf wa as Syu'uun al Islaamiyyah*.
- Al-Baihaqi. (1991). *Ma'rifah al-Sunan wa al-Athar li al-Baihaqi*. Tahqiq: 'Abd al-Mu'ti Amin, Maktabah Syamilah.
- Al-Mawsû'ah al Fiqhiyyah al-Kuwaytiyyah*. (1997). Kuwayt: Wazarat al Awqaf wa al-Syu'un al-Islamiyyah.
- Al-Qurtubi Abu 'Umar Yusuf bin Abdullah. (2000). *Al-Istiskar*. Beyrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Amran Hassan & Suriati Ghazali. (2013). Sexual abuse and childhood traumatic experience: A case study on the psychological health of transsexuals in Malaysia. *International Journal of Environment, Society and Space*, 1(1), 33-42.

- Amran Hassan, Fatimah Yusoooff & Khadijah Alavi. (2013). Transeksualiti: Suatu Analisis daripada Perspektif Islam dan Perspektif keluarga dalam konteks kesejahteraan sosial. *Jurnal Perspektif*, 5 (1), 39 - 52 .
- Astro Awani. (2015, Oktober 8). *Lelaki berpakaian wanita: Mahkamah Persekutuan ketepi keputusan Mahkamah Rayuan*. Retrieved from Astro Awani: <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/>
- Audrey Dermawan. (2018, Oktober Isnin). *Berita Nasional*. Retrieved from BH Online: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/>
- Azlina Mohd Khir & Che W Hashimi Rafsanjani Che W Raksan. (2018). Faktor keterlibatan belia dalam isu gay di Kuala Lumpur. *Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia*, 145 - 158.
- Berita Harian. (2020, Februari 4). *Berita*. Retrieved from Berita Harian Online : <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/02/652482/tunai-umrah-tidak-ikut-jantina-asal-haram-berdosa-mufti>
- Bond, Trevor G, & Fox, Christine M. (2007). *Applying the Rasch Model: Fundamental Measurement in the Human Sciences* (2nd ed.). New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates.
- Chua Yan Piaw. (2014). *Kaedah Penyelidikan (3rd ed.)*. Selangor: Mc Graw Hill.
- Ibn Battal. (2003). *Syarh Sahih al-Bukhari li Ibn Battal, Tahqid: Abu Tamim Yasir bin Ibrahim*. Riyadh: Maktabah al-Rusyd.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). (2013). *Manual Islam & Mak Nyah*. Selangor: Percetakan Tinta Sdn. Bhd. .
- Joseph, F. H., Earl, B., & Frued, H. (1997). *Explaining Social Issues*. London: Pine Forge Press.
- Justice for Sisters. (2015). *Tentang identiti gender & individu dan komuniti transgender*. Panduan Media.
- Kahiriah bt Mohd Yassin. (2014). Hubungan budaya dan ilmu dari perspektif Barat dan Islam. *MANU*, 20, 25-51.
- Lukman Z. Mohamad dan Zuriana Zahrin. (2002). Fenomena Pelacuran Remaja di Malaysia. In L. e. (ed), *Keluarga, Gender dan Cabaran Sosial di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors.
- Malaysiakini. (2011, Julai 30). *Berita*. Retrieved from Malaysiakini :<https://www.malaysiakini.com/news/171545>
- Manual Mengenai Bajet Gender di Malaysia*. (2006). Kuala Lumpur: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.
- Mohd Azhar Abdullah. (2021). *Pedoman pergaulan antara lelaki dan perempuan*. Kota Bharu: Tahfiz Darul Huffaz.
- Mohd Yusman Awang, Muhd. Izhar Abu Samah & Zamri Rambli. (2004). Laporan khas hidup sebagai mak nyah. *MASSA*, 25-38.
- Mustafa al-Khin & Mustafa al-Bugha . (2011). *Al-Fiqh al-Manhai'ala Mazhab al-Syafie* (11th ed.). Damsyiq: Dar al-Qalam .
- Nunally, J. & Bernstein, I. (1994). *Psychometric Theory* (3rd ed.). New York: McGraw Hill.
- Rositah Kambol. (2020). Kesalahan lelaki berpakaian wanita atau menyerupai wanita (Tasyabbuh): Isu dan cadangan penyelesaian. *Journal of Law & Governance*, 3 (1), 113-126.
- Ruzy Suliza Hashim. (2006). Meniti duri dan ranjau: Pembikinan gender dan seksualiti dalam konteks dunia Melayu. *Sari* 24, 15-34.
- Saktiyono B. Purwoko. (2018). *Psikologi Islam: Teori dan Penelitian* (2nd ed.). Jakarta: Saktiyono Word Press.
- Siti Amirah Akilah Abd Rahim, Hanisah Abdul Rahman & Farahwahida Mohd Yusof. (2020). Transgender Di Malaysia. *UMRAN: International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 6 (3-2), 67-77.

- Siti Hajar Jamal. (2018). Memahami konsep lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) dari konteks sosial. *Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam* (pp. 993 - 1000). Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Syarifah Rohaniah Syed Mahmood. (2011). Effeminacy Among Male University Students of Malaysia: What Are The Underlying Contributing Factors. *Kertas Kerja Seminar Kaunseling Kebangsaan Pelbagai Budaya*. UNIMAS.
- Tylor, E. B. (2016). *Primitive Culture*. New York: Dover Publication.
- Wan Azmi Ramli. (1991). *Dilema Mak Nyah: Suatu ilusi*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd..
- Wan Azmi Ramli. (1998). *Petaka Abad Ke-21*. Kuala Lumpur: Golden Books Centre Sdn. Bhd.
- Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail & Noranizah Yusuf . (2012). Faktor persekitaran sosial dan hubungannya dengan pembentukan jati diri . *Jurnal Hadhari Special Edition*, 155 - 172.